

 <b>Suruhanjaya Tenaga</b>	<b>PEKELILING SURUHANJAYA TENAGA</b> <b>BIL. 01/2013</b>  <b>MENGENAI SYARAT LATIHAN UNTUK</b> <b>MEGGANTIKAN PENGALAMAN KERJA</b> <b>PENJAGA JENTERA</b>	<b>NO. RUJUKAN:</b> <b>ST/IP/PK/JKKE/</b> <b>Pk.01/2013</b>
--	--	---

## **TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua institusi bertauliah dan pemegang Perakuan Kekompetenan Penjaga Jentera mengenai modul latihan yang boleh diikuti sebagai menggantikan syarat pengalaman kerja, sebelum layak dipertimbangkan untuk menduduki peperiksaan kekompetenan Penjaga Jentera bagi tujuan menaik taraf ke kategori kekompetenan Penjaga Jentera yang lebih tinggi.

## **LATAR BELAKANG**

2. Mengikut amalan semasa, pemegang Perakuan Kekompetenan Penjaga Jentera (PJ) yang ingin menduduki peperiksaan kekompetenan yang lebih tinggi perlu memenuhi syarat pengalaman kerja seperti berikut;

- i. PJ A0 ke PJ A1 - perlu mempunyai pengalaman kerja selama satu (1) tahun dalam mengerja atau mengendali atau mengawal apa-apa kerja atau kendalian sesuatu pepasangan talian atas voltan rendah;
- ii. PJ A1 ke PJ A4 - perlu mempunyai pengalaman kerja selama satu (1) tahun mengerja atau mengendali atau mengawal apa-apa kerja atau kendalian sesuatu pepasangan janakuasa voltan rendah termasuk penyeferakan janakuasa voltan rendah.
- iii. PJ A0 ke PJ A4 - perlu mempunyai pengalaman kerja selama satu (1) tahun dalam mengerja atau mengendali atau mengawal apa-apa kerja atau kendalian sesuatu pepasangan talian atas voltan rendah; dan

**PEKELILING SURUHANJAYA TENAGA  
BIL. 01/2013**

**MENGENAI SYARAT LATIHAN UNTUK  
MENGGANTIKAN PENGALAMAN KERJA  
PENJAGA JENTERA**

**NO. RUJUKAN:**  
**ST/IP/PK/JKKE/  
Pk.01/2013**

pengalaman kerja selama satu (1) tahun dalam mengerja atau mengendali atau mengawal apa-apa kerja atau kendalian sesuatu pepasangan janakuasa voltan rendah termasuk penyegerakan janakuasa voltan rendah.

- iv. PJ B0 ke PJ B1 - perlu mempunyai pengalaman kerja selama satu (1) tahun dalam mengerja atau mengendali atau mengawal apa-apa kerja atau kendalian sesuatu pepasangan talian atas voltan tinggi;
  - v. PJ B1 ke PJ B4 - perlu mempunyai pengalaman kerja selama satu (1) tahun dalam mengerja atau mengendali atau mengawal apa-apa kerja atau kendalian sesuatu pepasangan janakuasa voltan tinggi termasuk penyegerakan janakuasa voltan tinggi.
  - vi. PJ B0 ke PJ B4 - perlu mempunyai pengalaman kerja selama satu (1) tahun dalam mengerja atau mengendali atau mengawal apa-apa kerja atau kendalian sesuatu pepasangan talian atas voltan tinggi; dan pengalaman kerja selama satu (1) tahun dalam mengerja atau mengendali atau mengawal apa-apa kerja atau kendalian sesuatu pepasangan janakuasa voltan tinggi termasuk penyegerakan janakuasa voltan tinggi.
3. Sehingga kini, calon-calon kekompetenan Penjaga Jentera Voltan Tinggi yang tidak mempunyai pengalaman kerja seperitimana yang dinyatakan di atas tidak berpeluang untuk meningkatkan tahap kekompetenan pada kategori yang lebih tinggi.

 <b>Suruhanjaya Tenaga</b>	<b>PEKELILING SURUHANJAYA TENAGA</b> <b>BIL. 01/2013</b>  <b>MENGENAI SYARAT LATIHAN UNTUK</b> <b>MENGANTIKAN PENGALAMAN KERJA</b> <b>PENJAGA JENTERA</b>	<b>NO. RUJUKAN:</b> <b>ST/IP/PK/JKKE/</b> <b>Pk.01/2013</b>
--	--	---

## **SYARAT BARU BAGI NAIK TARAF KEKOMPETENAN PENJAGA JENTERA**

4. Selaras dengan peraturan 45(2) Peraturan-Peraturan Elektrik 1994, dengan ini Suruhanjaya Tenaga menetapkan bahawa modul-modul latihan boleh digunakan untuk menggantikan syarat pengalaman kerja yang membolehkan pemegang perakuan kekompetenan Penjaga Jentera sama ada menduduki peperiksaan persendirian yang dikelolakan oleh Suruhanjaya Tenaga (Suruhanjaya) atau mengikuti kursus kekompetenan yang dijalankan oleh institusi-institusi yang ditauliahkan bagi menaik taraf ke kategori kekompetenan Penjaga Jentera yang lebih tinggi seperti berikut;
- i. Dari kategori PJ A0 ke PJ A1 – Calon hendaklah menyertai modul Latihan Talian Atas Voltan Rendah bagi menggantikan syarat pengalaman kerja selama satu (1) tahun dalam mengerja atau mengendali atau mengawal apa-apa kerja atau kendalian sesuatu pepasangan talian atas voltan rendah. Tempoh kursus ini adalah 80 jam secara sepenuh masa atau separuh masa di institusi-institusi bertauliahan.
  - ii. Dari kategori PJ A1 ke PJ A4 - Calon hendaklah menyertai modul Latihan Penyegerakan Janakuasa Voltan Rendah bagi menggantikan syarat pengalaman kerja selama satu (1) tahun dalam mengerja atau mengendali atau mengawal apa-apa kerja atau kendalian sesuatu pepasangan janakuasa voltan rendah termasuk penyegerakan janakuasa voltan rendah. Tempoh kursus ini adalah 80 jam secara sepenuh masa atau separuh masa di institusi-institusi bertauliahan.

 <b>Suruhanjaya Tenaga</b>	<b>PEKELILING SURUHANJAYA TENAGA</b> <b>BIL. 01/2013</b>  <b>MENGENAI SYARAT LATIHAN UNTUK</b> <b>MENGGANTIKAN PENGALAMAN KERJA</b> <b>PENJAGA JENTERA</b>	<b>NO. RUJUKAN:</b> <b>ST/IP/PK/JKKE/</b> <b>Pk.01/2013</b>
--	---	---

- iii. Dari kategori PJ B0 ke PJ B1 - Calon hendaklah menyertai modul Latihan Talian Atas Voltan Tinggi bagi menggantikan syarat pengalaman kerja selama satu (1) tahun dalam mengerja atau mengendali atau mengawal apa-apa kerja atau kendalian sesuatu pepasangan talian atas voltan tinggi. Tempoh kursus ini adalah 100 jam secara sepenuh masa atau separuh masa di institusi-institusi bertauliah.
- iv. Dari kategori PJ B1 ke PJ B4 - Calon hendaklah menyertai modul Latihan Penyegerakan Janakuasa Voltan Tinggi bagi menggantikan syarat pengalaman kerja selama satu (1) tahun dalam mengerja atau mengendali atau mengawal apa-apa kerja atau kendalian sesuatu pepasangan janakuasa voltan tinggi termasuk penyegerakan janakuasa voltan tinggi. Tempoh kursus ini adalah 80 jam secara sepenuh masa atau separuh masa di institusi-institusi bertauliah.
5. Bagaimanapun, calon-calon yang layak mengikuti modul latihan di atas hendaklah memegang perakuan kekompetenan sedia ada untuk tempoh masa sepetimana yang disyaratkan dalam Panduan Syarat-Syarat Menduduki Peperiksaan dan Sukatan Pelajaran Bagi Penjaga Jentera Elektrik, untuk tujuan menduduki peperiksaan kekompetenan yang lebih tinggi.
6. Calon-calon yang mengikuti modul-modul latihan berkenaan tidak terkecuali daripada menduduki peperiksaan teori, amali dan lisan bagi kategori kekompetenan yang berkaitan.

 <b>Suruhanjaya Tenaga</b>	<b>PEKELILING SURUHANJAYA TENAGA</b> <b>BIL. 01/2013</b>  <b>MENGENAI SYARAT LATIHAN UNTUK</b> <b>MENGGANTIKAN PENGALAMAN KERJA</b> <b>PENJAGA JENTERA</b>	<b>NO. RUJUKAN:</b> <b>ST/IP/PK/JKKE/</b> <b>Pk.01/2013</b>
--	---	---

7. Calon-calon hendaklah mengikuti modul-modul latihan seperti yang dinyatakan di perenggan (4) mengikut aturannya, iaitu kursus modul latihan talian atas hendaklah dihadiri terlebih dahulu sebelum modul latihan penyegerakan janakuasa.

8. Institusi yang menjalankan modul-modul latihan berkenaan hendaklah mengemukakan contoh sijil bagi modul tersebut kepada Suruhanjaya untuk kelulusan sebelum digunakan dan sijil yang dikeluarkan hendaklah menyatakan dengan jelas nombor kelulusan Suruhanjaya.

#### **TARIKH KUATKUASA**

9. Pekeliling ini adalah mengatasi mana-mana pekeliling yang telah dikeluarkan sebelum ini yang bercanggah.

10. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ia ditandatangani.

Sekian, terima kasih.

  
**(DATUK IR. AHMAD FAIZI BIN HASAN)**

Ketua Pegawai Eksekutif

b.p. Suruhanjaya Tenaga

Tarikh: *22 febmar 2013.*

s.k Semua Pengarah Jabatan.

                  Semua Ketua Kawasan.